

NO SOALAN : 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN JULIAN TAN KOK PING [STAMPIN]
TARIKH : 15 MAC 2017
SOALAN :

YB Tuan Julian Tan Kok Ping [Stampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah dalam perancangan Kerajaan Persekutuan untuk melaksanakan Hospital Information System (HIS) di Hospital Umum Sarawak (HUS) pada tahun 2017. Jika tidak minta diberikan justifikasi.

Tuan Yang di-Pertua,

Perancangan telah dilakukan untuk melaksanakan *Hospital Information System* (HIS) di beberapa hospital dalam Rancangan Malaysia Ke-11 *Rolling Plan 2* iaitu bagi tahun 2018 dan 2019. Antaranya hospital yang akan melaksanakan Sistem HIS adalah Hospital Umum Sarawak dengan anggaran kos sebanyak RM10 juta. Ini bergantung kepada kemampuan kewangan semasa kerajaan. Pada tahun 2017 tiada peruntukan di luluskan termasuk untuk perluasan sistem HIS di Hospital Umum Sarawak. Namun begitu KKM akan terus memohon peruntukan bagi perluasan Sistem HIS Hak Milik Kerajaan (bukan *proprietary*).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HJ. NASARAH

TARIKH : 15.03.2017

SOALAN : NO. 19

Dato' Shamsul Anuar Bin Hj. Nasarah [Lenggong] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan :-

- (a) berapakah jumlah kes penipuan sijil pelajaran palsu yang berjaya dikesan oleh Kementerian setakat ini yang melibatkan pelajar antarabangsa; dan
- (b) bagaimana Kementerian merangka tindakan untuk menyelesaikan kes penipuan sijil pelajaran palsu (diploma, ijazah dan sebagainya) membabitkan pelajar antarabangsa serta mengurangkan lambakan golongan ini untuk terus menetap di negara dalam suatu tempoh yang lama.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan pelajar antarabangsa untuk melanjutkan pelajaran dalam negara amat digalakkan kerana ia selaras dengan matlamat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pengajian tinggi di peringkat antarabangsa. Galakan ini tidak hanya tertumpu kepada Universiti Awam (UA) sebaliknya ia juga turut melibatkan penyertaan ke Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTs).

Walaupun bagaimanapun, penyertaan pelajar antarabangsa ke dalam sistem pendidikan tinggi negara perlu melalui beberapa prosedur yang telah ditetapkan oleh KPT dan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Berdasarkan rekod KPT, sehingga kini tiada kes yang melibatkan penipuan sijil ijazah palsu oleh pelajar antarabangsa dilaporkan. Walaupun tiada kes yang direkodkan, pihak kementerian sentiasa berwaspada dan mengambil pendekatan yang serius bagi mengekang kes seumpama ini dari berlaku. Antara inisiatif yang diambil ialah;

- (a) mengeluarkan Garis Panduan Dan Piawaian Pengambilan Pelajar Antarabangsa oleh IPTS;
- (b) melaksanakan audit dan pemeriksaan dari masa ke masa bagi memastikan IPTS sentiasa mematuhi garis panduan dan piawaian yang telah ditetapkan;
- (c) mewujudkan satu unit khas iaitu Unit Pengawasan Pelajar Antarabangsa bagi mengawal urusan pengambilan pelajar asing dan isu-isu yang melibatkan pengambilan pelajar asing; dan
- (d) berkolaborasi dengan KDN dan Education Malaysia Global Services (EMGS) untuk memastikan pelajar antarabangsa yang melanjutkan pelajaran ke Malaysia tidak menggunakan sijil palsu.

Selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan oleh JIM, permohonan dan pengeluaran pas pelajar antarabangsa hanya dapat dikeluarkan mengikut tempoh pengajian sahaja.